



جباتن كحاكيمن شرعيه مليسيا
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA
Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

Tel: 03-8886 4800
Fax: 03-8889 1627

JKSM/100-24/5 Jld. 3(24)

11 Jamadilakhir, 1426H/
18 Julai, 2005M

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie
Mahkamah-mahkamah Syariah
Negeri-negeri

Arahan Amalan No.10 Tahun 2005

Pengendorsan Perintah Bersaling

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.. 1 Tahun 2005 pada 10hb.-12hb. April 2005 bersamaan 1hb.-3hb. Rabiulawal 1426H di Shah Alam, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan prosedur pengendorsan perintah bersaling adalah seperti berikut:

- (i) Perintah bersaling tidak boleh terlaksana di negeri-negeri yang belum mewartakan Akta/Enakmen/Ordinan yang berkaitan;
- (ii) Permohonan untuk mengendorskan perintah bersaling hendaklah dikemukakan oleh Pemohon ke Mahkamah yang mengeluarkan perintah tersebut;
- (iii) Setelah menerima permohonan, Mahkamah yang mengeluarkan perintah hendaklah menyampaikan Perintah tersebut kepada Mahkamah yang berkompeten di mana seseorang yang dimaksudkan dalam perintah tersebut berada atau dipercayai berada untuk tujuan pengendorsan;
- (iv) Mahkamah yang menerima perintah tersebut, boleh mengendorskannya dan berbidangkuasa menyampaikan dan melaksanakannya seolah-olah perintah tersebut dikeluarkan oleh Mahkamah itu sendiri.

Huraian : Perintah termasuklah saman, waran, dan penghakiman.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2005.

A handwritten signature in black ink, consisting of several fluid, overlapping strokes that form a stylized representation of the name.

(Datuk Sheikh Ghazali Bin Abdul Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia